

Burung enggang terbesar dunia

Gunung Raya di Langkawi jadi habitat spesies unik

DIET utama kenyalang atau enggang papan ialah buah-buahan hutan yang juga merupakan sumber air utama unggas itu selain memakan haiwan-haiwan kecil dan serangga.



Oleh WAN SHAHARA AHMAD GHAZALI

SESEKALI ke Langkawi, pencinta alam semulajadi boleh menikmati keindahan 360 darjah gugusan pulau Langkawi dari dua puncak gunung, sama ada Gunung Mat Cincang dengan menaiki kereta kabel Langkawi ataupun memandu sendiri ke puncak Gunung Raya.

Sebenarnya, ada khazanah warisan alam yang amat bernilai di Gunung Raya iaitu kehadiran burung enggang terbesar dunia atau *The Great Hornbill*.

Bagaimanapun, ramai yang terlepas pandang khazanah yang memiliki nama saintifik (*Buceros cornis*) meskipun unggas itu berukuran 1.5 meter ketika melebarkan sayapnya.

Beratnya pula boleh mencecah sehingga empat kilogram yang menjadi punca burung itu tidak mampu berterbangan bebas seperti unggas lain.

Sebaliknya unggas tersebut akan melompat-lompat dari dahan ke dahan pokok yang paling tinggi sebelum terbang seakan-akan meluncur di udara sambil mengepakkan sayapnya.

Saiz unggas yang turut dikenali sebagai enggang papan atau rangkong itu juga adalah faktor kenapa kita mesti mempertahankan pokok-pokok berdiameter besar dari terus dikorbankan sebagai balak.

Ini kerana, secara semula jadi, haiwan terancam itu hanya dapat bersarang di dalam lubang pokok yang cukup besar untuk memuatkan ibu dan anak enggang selama kira-kira tiga bulan.

Di dalam lubang pokok itulah si ibu akan terkurung dalam sarang yang disimenkan lubangnya menggunakan najis, tanah dan air liur, meninggalkan hanya lubang kecil untuk pasangannya menghulurkan makanan.

Makanan utama unggas itu ialah buah-buahan liar yang juga sumber air penting tubuh mereka, diet mereka juga merangkumi haiwan mamalia, reptilia dan burung kecil serta serangga.

Di situ ibu enggang akan meluruhkan pelepahnya untuk mengeramkan telur bersendirian manakala pasangannya akan bekerja keras mencari makanan untuk mereka bertiga.

Ini bermakna jika pokok sarangnya ditebang, kedua-dua ibu dan anak akan mati terperangkap dan kelaparan, manakala bapanya juga akan menderita ekoran enggang bersifat monogamus atau pasangan seumur hidup.

SEORANG penduduk kampung Parit 13 Sungai Panjang Sabak Bernam menunjukkan beberapa helai buku pelepah enggang kelingking yang menjadikan tempayan di sebelah kiri beliau sebagai sarang.

Secara semula jadi, haiwan terancam itu hanya dapat bersarang di dalam lubang pokok yang cukup besar untuk memuatkan ibu dan anak enggang selama kira-kira tiga bulan

Malah, seorang pemerhati burung Persatuan Pencinta Alam (MNS) cawangan Langkawi, **Irshad Mobarak**, pernah menyaksikan sendiri satu tragedi menyayat hati, apabila seekor kenyalang jantan berteriak panjang melihat sarang yang berisi pasangan dan anaknya tumbang dibalak.

Lebih memilukan, enggang itu sering dilihat kembali ke tempat kejadian selama beberapa tahun.

"Malangnya di Langkawi, kenyalang menghadapi ancaman kehilangan habitat ekoran penerokaan hutan secara haram, tarahan bukit serta kerakusan pembangunan tidak terkawal,

"Selain itu, spesies berkenaan juga diburu dan dibunuh secara haram oleh penduduk yang tidak bertanggungjawab demi memenuhi keinginan makanan afrosidiak pelancong asing negara tertentu," keluh beliau.

Apa pun, jika anda teringin melihat kehebatan burung yang gagah ini, pastikan anda berada di Gunung Raya sebaik saja fajar menyingsing atau sebelum senja bagi menyaksikan sendiri kumpulan burung ini berterbangan di udara.

Anda juga boleh memerhati burung itu terbang melintasi antara dua hutan yang terdapat di Pantai Kok, Langkawi pada lewat petang sebelum terbenam matahari.

Pemerhati burung berpeluang melihat kesemua 10 spesies itu termasuk enggang hutan yang berstatus hampir pupus di dalam senarai Merah Kesatuan Antarabangsa Bagi Konservasi Alam (IUCN) hanya dapat ditemui di kompleks berkenaan.

Ini boleh dikira satu keajaiban memandangkan Malaysia sama sekali tidak diketahui memiliki enggang hutan sehinggalah dikenalpasti oleh penyelidik MNS dan disahkan sebagai spesies enggang ke-10 negara pada tahun 1998. - **BERNAMA**



ENGANG papan adalah spesies enggang terbesar yang mana lebarnya ketika mengibarkan sayap adalah kira-kira 1.5 meter dan beratnya mencecah empat kilogram.

Habitat baharu enggang

DALAM satu lawatan ke hutan di Gunung Raya, Pegawai Pemuliharaan Projek Pemuliharaan Burung Enggang MNS, **Ravinder Kaur** menjelaskan bahawa sebelum ini, spesies ke-10 itu hanya ditemui di Myanmar dan Thailand sebanyak kira-kira 1,000 ekor tetapi jumlahnya kian merosot.

"Usaha MNS menganjurkan ekspedisi saintifik Belum - Temenggor kedua pada 1998 membuahkan hasil di luar jangkaan apabila mereka berjaya mengenalpasti sekumpulan enggang sebagai enggang hutan," katanya menjelaskan fizikal spesies itu hampir serupa dengan enggang gunung.

Lebih mengujakan lagi, tahun 2008 telah mencipta sejarah penemuan populasi enggang hutan yang dikira cukup besar iaitu 3,000 ekor pada sekali kiraan.

Angka itu amat menakjubkan memandangkan saintis menganggarkan hanya terdapat kira-kira 10,000 ekor enggang hutan dewasa yang masih hidup di seluruh dunia.

Fakta itu menguatkan lagi kepentingan kompleks hutan seluas kira-kira 266,170 hektar itu sebagai kawasan keutamaan yang harus dipelihara khususnya hutan Temenggor yang masih belum dilindungi sepenuhnya.

Pastinya, kita ingin kompleks Belum-Temenggor yang telah diiktiraf sebagai Kawasan Penting Burung (IBA) terkenal dunia itu untuk terus dilindungi bagi menarik ribuan pelancong dan pemerhati burung setiap tahun, sekali gus mewujudkan industri peniagaan kecil untuk penduduk setempat.

Sementara itu, di Sabak Bernam, penduduk

Kampung Parit 13 Sungai Panjang mempunyai cara tersendiri untuk membantu pemuliharaan burung enggang kelingking dengan bantuan Jabatan Sains Biologi, Universiti Putra Malaysia.

Spesies enggang terkecil negara itu mampu berubah dengan persekitaran kepada aktiviti pelancongan di situ sekali gus meningkatkan kesedaran awam tentang pemuliharaannya.

Pada awalnya, kehilangan habitat menyebabkan unggas itu terpaksa hidup dalam kelompok ekosistem penduduk setempat yang amat gusar dengan masalah kerosakan hasil tanaman.

Namun, akhirnya mereka berjaya menyesuaikan diri dan menyesuaikan antara satu sama lain.

Uniknya, spesies itu menjadikan tempayan yang disediakan orang kampung sebagai sarang untuk bertelur dan berlindung pada musim mengawan.

Selepas enggang betina memasuki tempayan untuk bertelur, pasangannya akan menutup mulut tempayan dengan tanah liat kecuali sedikit ruang untuk menghulurkan makanan.

Sungguhpun sudah terbiasa dengan persekitaran manusia, ibu enggang hanya akan makan makanan yang dihulur oleh pasangannya dan menolak makanan yang diberikan manusia.

10 spesies enggang Belum - Temenggor

➔ Berikut adalah senarai 10 jenis enggang yang terdapat di Malaysia iaitu:

➔ Enggang Bulu (*Berenicornis comatus*)

➔ Enggang kawan/buluh (*Anorrhinus galeritus*)

➔ Enggang berkedut (*Aceros corrugates*)

➔ Enggang Gunung (*Aceros undulatus*)

➔ Burung Kekek/Burung Gatal Birah (*Anthracoseros malayanus*)

➔ Enggang Lilin (*Anthracoseros albirostris*)

➔ Enggang (*Buceros rhinoceros*)

➔ Enggang Hutan (*Aceros subruficollis*)

➔ Burung Tebang Mentua (*Rhinoplax vigil*)


➔ Enggang Papan/Kenyalang (*Buceros bicornis*)

➔ Rekod mencatatkan dunia hanya mempunyai 55 spesies enggang yang masih wujud termasuk 31 spesies di Asia dan selebihnya hanya terdapat di Afrika.

➔ Selain itu, Asia Tenggara hanya merekodkan 12 spesies, tetapi istimewa negara kita adalah syurga santuari kepada 10 spesies burung itu yang menjadi satu angka kekayaan spesies yang besar.

➔ Lebih unik, kesemua spesies daripada enam genera itu boleh ditemui di kompleks hutan Belum-Temenggor di Perak, yang merangkumi Taman Negeri Royal Belum dan hutan simpan Temenggor.

SALAH satu tempayan bermulut kecil yang digunakan oleh pasangan enggang kelingking di Kampung Parit 13, Sungai Panjang Sabak Bernam sebagai sarang.



>> PENGASAS Persatuan Pencinta Alam cawangan Langkawi, **Irshad Mobarak** menjejaki enggang di Langkawi yang dilakukan secara berkala.